

Pertemuan PM, Musk buka naratif baharu ekonomi negara

MALAYSIA perlukan naratif yang jelas mengenai polisi dan hala tuju ekonomi serta pembangunannya supaya dapat memberi keyakinan kepada pelabur.

Itu antara kata-kata yang diluahkan oleh seorang tokoh perbankan ketika bercerita mengenai kejatuhan nilai ringgit dan keperluan untuk negara bangkit daripada situasi ekonomi yang tidak menentu sekarang.

Katanya, untuk menarik pelabur terutama dari luar, fokus mesti jelas, naratif kena ada supaya mereka tahu apa yang hendak kita kejar atau capai dalam masa setahun, lima tahun, 10 tahun dan seterusnya.

Menjawab hujah tokoh perbankan itu, perbincangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pemilik Tesla, Elon Musk kelmarin diyakini akan mencipta naratif yang diperlukan untuk mengembalikan keyakinan umum terutama komuniti antarabangsa terhadap Malaysia.

Sebagai individu terkaya dunia dan pelopor kepada industri berasaskan teknologi bersih, komitmen Musk untuk bersempuka dan berkongsi misi serta visi dengan Perdana Menteri bukan sesuatu yang kecil.

Situasi sama berlaku sekitar hujung tahun 1990-an di mana pakar-pakar teknologi maklumat (IT) berkumpul di Cyberjaya sebagai penasihat kepada usaha mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Keupayaan untuk menarik perhatian tokoh-tokoh terkemuka dunia seperti Musk untuk berbincang dan berdiskusi dengan pemimpin negara sudah tentu memberi impak besar.

Ia sudah tentu lebih bermakna jika diikuti dengan kerjasama dalam bidang tertentu yang akan memberi manfaat kepada kita terutama menerusi pemindahan teknologi dan perkongsian kepakaran.

Seperti yang dikatakan oleh pakar ekonomi, Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, ini peluang hebat untuk Malaysia meluaskan keupayaannya dalam bidang automotif melalui perkongsian antarabangsa dengan pemain utama industri itu.

Pengalaman Malaysia dalam industri automotif sudah lama, iaitu sejak tahun 1982, oleh itu perbincangan Perdana Menteri dengan Musk diharap akan membuka peluang kepada Malaysia sebagai negara kecil dengan pengalaman dalam industri automotif bagi meneroka peluang baharu dalam industri ini.

Kita harapkan apa yang dibincangkan antara Anwar dan Musk tidak berhenti setakat itu sahaja, sebaliknya diikuti dengan program susulan dan komitmen yang akan memberi manfaat langsung dan tidak langsung kepada negara.

Sudah tentu rakyat mengharapkan sesuatu yang hebat daripada pertemuan tersebut. Sesuatu yang bukan sekadar naratif, tetapi juga disusuli dengan inisiatif yang memberi manfaat kepada semua.

Lagi pula, Malaysia sudah lama tidak ada *engagement* dengan tokoh-tokoh besar dunia seperti ini.

Kali terakhir rasanya sebelum Pilihan Raya Umum 2018, iaitu antara Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Jack Ma.

Selepas itu negara kita tenggelam dalam pandemik Covid-19 dan ketidakstabilan politik yang menyaksikan kepemimpinan negara bersilih ganti.

Jadi, kita harapkan pertemuan dengan Musk ini akan disusuli dengan tokoh-tokoh lain pula supaya Malaysia kembali menjadi tumpuan terutama pelaburan asing dari seluruh dunia.